

39

Penggunaan Rutin Berfikir Melangkah ke Dalam dan 3-2-1 Bina Titian bagi Memantapkan Keupayaan Menulis Karangan Naratif

Rita Zarina Mohd Nazeer

rita_zarina_mohd_nazeer@moe.edu.sg

Rashidah Abdullah


rashidah_abdullah@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Marsiling

Abstrak

Karangan naratif pelajar sering didapati kurang bermutu. Pelajar seolah-olah ketandusan idea dalam olahan plot, gaya bahasa dan kosa kata yang dipilih amat lemah. Tujuan kajian ini dijalankan untuk merangsang daya imaginasi dan kreativiti pelajar untuk menghidupkan watak, pengolahan plot dan sebagainya dalam karangan naratif. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini menggunakan rutin berfikir Melangkah ke Dalam. Subjek kajian yang terlibat dalam kajian ini ialah 33 orang pelajar Menengah 1 Ekspres dan 2. Dapatan kajian menunjukkan hampir kesemua pelajar berupaya menulis dengan plot yang lebih logikal dan mantap dengan menggunakan kosa kata yang rencam dan gaya bahasa yang lebih bersahaja serta menarik.

Kata Kunci: rutin berfikir, Melangkah ke Dalam, strategi menulis, karangan naratif, daya imaginasi



PENGENALAN

Kertas 1 bagi komponen menulis membawa timbangan yang tinggi dalam penilaian. Pelajar aliran Ekspres dan Normal Akademik diperlukan untuk menulis dua jenis karangan, iaitu satu daripada bahagian A iaitu penulisan e-mel tidak rasmi atau e-mel rasmi, dan satu lagi daripada bahagian B, iaitu sama ada karangan jenis deskriptif, ekspositori atau naratif dalam tempoh dua jam. Namun, tidak ramai pelajar yang mencapai prestasi yang cemerlang dalam komponen ini, terutamanya bagi karangan bahagian B. Berdasarkan laporan pememarkah yang diedarkan ke sekolah-sekolah selepas peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun 2017, mutu penulisan para pelajar masih berada pada tahap rendah.

Bagi mengatasi masalah ini, satu usaha telah dijalankan dengan mengaplikasikan rutin berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu. Langkah ini sejajar dengan misi dan visi Jabatan Bahasa Ibunda dalam memastikan para pelajar disediakan dengan kemahiran abad ke-21. Agar mereka berupaya berfikir secara kritis dan kreatif serta berkomunikasi dengan berkesan. Bagi menepati objektif kemahiran abad ke-21 dalam diri para pelajar, rutin berfikir didapati berkesan sebagai salah satu kaedah untuk membina kemahiran berfikir mereka.


PERNYATAAN MASALAH

Kajian yang dijalankan didorong masalah yang dihadapi pelajar menengah bawah yang tidak dapat menghasilkan karangan naratif yang bermutu. Karangan para pelajar tidak menunjukkan pengembangan idea dalam pengolahan plot selain gaya bahasa dan kosa kata pelajar yang lemah. Para pelajar tidak dapat berfikir melalui sudut pandangan yang berbeza.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. merangsang daya pemikiran pelajar secara kritis dan kreatif melalui penggunaan rutin berfikir Melangkah ke Dalam (MkD); dan
2. menilai keberkesanan rutin berfikir MkD terhadap pemikiran pelajar untuk menghidupkan watak, pengolahan plot dalam karangan naratif.




KAJIAN LEPAS

Pembelajaran berteraskan pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* (MTV) berupaya meningkatkan kemahiran pelajar untuk berfikir dengan lebih mendalam (Swartz dan Parks, 1994). Pendekatan ini dapat membantu pelajar menjana dan meneroka idea-idea baharu di samping bertindak sebagai petanda aras pengetahuan sedia ada pelajar. Justeru, guru boleh melakarkan pembelajaran selanjutnya bagi meningkatkan kemampuan dan kebolehan pelajar. Melangkah ke Dalam (MkD) merupakan salah satu rutin untuk mengupas idea yang lebih mendalam berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ron Ritchhart (2011). Strategi ini memberi peluang kepada pelajar melangkah ke sesuatu kedudukan, kemudian bercakap atau menulis daripada perspektif tersebut bagi memperdalam pemahaman tentang perkara yang dibincangkan. Menurut Snyder (2016), penggunaan rutin berfikir ini dapat mengembangkan pemikiran pelajar serta meningkatkan pemahaman pelajar tentang topik pembelajaran yang sedang dipelajari. Hal demikian berlaku kerana pelajar-pelajar terdedah kepada situasi untuk berfikir perkara-perkara yang perlu difikirkan. Proses pembelajaran ini menjadikan pemikiran jelas lantas memudahkan pemahaman mereka.

Menurut dapatan kajian Ron Ritchhart (2011), guru harus membantu pelajar melakukan beberapa langkah agar proses mengupas idea dengan lebih mendalam menjadi lebih efektif dan berkesan. Pelajar-pelajar harus digalakkan untuk:

1. melakukan pemerhatian dengan teliti serta memberi penerangan yang terperinci
2. memberi penjelasan dan menyatakan andaian
3. menyatakan pendapat yang disokong dengan bukti
4. membuat kaitan dengan perkara-perkara yang relevan
5. menghuraikan dari sudut pandangan yang berbeza
6. membuat kesimpulan

Langkah-langkah ini memainkan peranan penting dalam proses membina pemahaman pelajar kerana pelajar perlu mengupas dan mengenal pasti perkara-perkara yang dibincangkan secara tuntas. Strategi rutin berfikir melibatkan pelajar berfikir secara aktif dan secara tidak langsung meningkatkan minat pelajar.



KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian


Subjek kajian terdiri daripada 33 orang pelajar Menengah 1 dan 2 Ekspres. Para pelajar yang diuji mempunyai keupayaan belajar yang berada pada aras sederhana dengan skor-T PSLE secara purata pada agregat 198. Ukuran keberhasilan kajian rintis yang dijalankan berdasarkan pada penggunaan kaedah ini ditadbirkan dalam kelas pelajar pelbagai aras selama 3 minggu yang melibatkan 6 sesi.

Instrumen Kajian

Kajian rintis ini memberi tumpuan pada kaedah pengajaran guru serta pembelajaran pelajar. Guru menggunakan rutin berfikir MkD sebagai instrumen kajian. Selain itu, carta binaan plot yang disediakan oleh Unit Bahasa Melayu, Sekolah Menengah Marsiling (MSS) digunakan sebagai strategi utama dalam mencetus minat serta mencerap idea pelajar dalam penulisan karangan naratif. Templat-templat yang guru sediakan amat penting bagi pelajar kerana dapat dijadikan sumber rujukan semasa proses menulis dan merangka plot. Selain itu, pemerhatian dan pemantauan guru terhadap sikap dan cara belajar pelajar diberi keutamaan dalam kajian ini. Guru juga menilai respons pelajar terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan hasil kerja pelajar melalui aktiviti yang telah dirancang oleh guru untuk menilai keberkesanan rutin berfikir MkD.

Prosedur Kajian

Demi memastikan pelajar-pelajar dapat menggunakan dan mengaplikasikan rutin ini dengan berkesan, pelajar-pelajar didedahkan kepada dua bahan pengajaran, iaitu cerpen dan klip video. Bagi kedua-dua bahan pengajaran ini, arahan seperti dalam jadual berikut telah diberikan:



Jadual 1: Perancangan Arahan yang Diajukan kepada Pelajar

1	Pilih satu watak yang terdapat dalam cerpen/ klip video.
2	Letakkan diri anda dalam situasi atau keadaan watak yang terdapat dalam cerpen/ klip video.
3	Berikan pendapat kamu berdasarkan sudut pandangan watak tersebut.


Guru juga menyediakan lembaran kerja atau templat MkD seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2, untuk pelajar catatkan isi-isi penting bagi kedua-dua bahan pengajaran tersebut. Catatan ini membantu pelajar mendalami jalan cerita dengan lebih baik.

Jadual 2: Lembaran Kerja Rutin Berfikir Melangkah ke Dalam


1	Pemilihan watak: Saya sangka (nyatakan sebab) ...
2	Saya tahu dan percaya bahawa ...
3	Saya prihatin dan mengambil berat tentang...

Sebagai langkah permulaan, setiap pelajar mengisikan respons mereka secara individu. Kemudian, pelajar berbincang secara berkumpulan mengikut watak yang dipilih. Pada tahap akhir, setiap kumpulan membentangkan hasil perbincangan mereka. Langkah ini mewujudkan pembelajaran kolaboratif kerana pelajar-pelajar diberikan peluang melihat hasil pemikiran rakan mereka menerusi respons yang dikemukakan.

Setelah memahami watak dan perwatakan menerusi rutin berfikir MkD, guru boleh meminta pelajar melakarkan plot cerita berdasarkan cerpen atau video yang mereka baca dan tonton. Pembinaan plot dilakukan dengan menggunakan carta plot seperti gambar rajah berikut:



Rajah 1: Carta Plot




Guru meminta pelajar menulis jalan cerita berdasarkan cerpen dan klip video yang mereka baca dan tonton dengan menggunakan carta binaan plot. Kemudian, secara berkumpulan, pelajar membincangkan jalan cerita tersebut dan menulis butiran-butiran penting pada lembaran carta binaan plot. Selanjutnya, pelajar diminta menulis sebuah karangan naratif berdasarkan jalan cerita video yang mereka tonton. Sebelum memulakan proses penulisan, pelajar diminta untuk membuat penilaian sendiri agar mereka dapat mengesan kebolehan dan tahap keyakinan mereka. Guru juga telah menjalankan penilaian rakan sebaya untuk memantau pemahaman pelajar.

Rutin berfikir MkD serta carta binaan plot penulisan kreatif yang disediakan oleh Unit BM MSS digunakan sebagai strategi utama dalam mencetus minat serta mencerap idea pelajar dalam penulisan karangan naratif. Templat-templat yang disediakan oleh guru amat penting bagi pelajar kerana ia menjadi wadah untuk mereka gunakan dan dijadikan sumber rujukan semasa proses menulis dan merangka plot.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru, rutin berfikir MkD dapat meningkatkan tahap pemikiran dan peluasan idea dalam kalangan pelajar. Sikap positif pelajar lebih terserlah dan kebanyakan pelajar memaparkan keupayaan bertutur dan menulis




dengan lebih berkesan. Guru juga berupaya melihat apa yang difikirkan oleh pelajar semasa menjalankan aktiviti-aktiviti rutin berfikir. Pemerancuhan yang disediakan guru berupaya merangsang pemikiran kritis dalam diri pelajar dan membina keyakinan mereka untuk menyampaikan apa yang mereka fikirkan. Budaya berfikir yang cuba diterapkan guru menerusi aktiviti-aktiviti rutin berfikir berupaya menjana penglibatan pelajar yang lebih aktif dan guru perhatikan bahawa pelajar yang pendiam dan kurang aktif sebelum ini juga terangsang untuk memaparkan penglibatan yang aktif.

Penggunaan kata ganti diri pertama, 'saya' berkesan dalam membantu para pelajar benar-benar menghayati dan menerokai sudut pandangan watak yang dipegang. Pelajar dapat membayangkan watak tersebut dengan lebih baik. Berikut merupakan hasil kerja pelajar berdasarkan respons yang dikemukakan di atas:

Jadual 3: Contoh 1 Hasil Kerja Pelajar

Pemilihan watak: Ahmad	
Saya sangka...	bahawa jikalau saya sembunyikan tentang penerimaan anugerah saya semasa Majlis Anugerah Pencapaian daripada bapa saya, saya dapat mengelak daripada menanggung rasa malu. Saya tidak mahu rakan-rakan saya melihat keadaan kami yang miskin serta memperkenalkan mereka kepada bapa saya yang cacat itu.
Saya tahu dan percaya bahawa...	bapa saya tidak memahami perasaan saya. Kehadirannya akan memalukan saya di khalayak ramai. Saya juga percaya bahawa bapa saya tidak tahu bahawa saya akan ditertawakan oleh rakan-rakan.
Saya prihatin/mengambil berat tentang...	maruah dan harga diri saya. Saya tidak mahu dengan adanya ayah saya, saya diejek oleh rakan-rakan. Saya juga pentingkan kedudukan saya sebagai seorang pelajar cemerlang. Guru-guru dan rakan-rakan saya tidak tahu latar belakang saya.





Jadual 4: Contoh 2 Hasil Kerja Pelajar

Pemilihan watak: Ayah	
Saya sangka	Ahmad akan berasa bangga dan menghargai saya kerana saya telah bersusah-payah membesarkannya hingga dia berjaya.
Saya tahu dan percaya bahawa	Ahmad akan sedar akan kesilapannya satu hari nanti. Saya pasti Ahmad akan berasa menyesal atas perbuatannya yang cuba melupakan jasa baik bapanya sendiri.
Saya prihatin/mengambil berat tentang	masa depan Ahmad. Jika Ahmad menjadi buta, sudah pasti Ahmad tidak dapat bekerja sebagai seorang pakar bedah. Dengan itu, saya rela berkorban untuk Ahmad.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa rutin berfikir MKD dan penggunaan carta binaan plot yang disediakan oleh guru sesuai dan berkesan bagi memupuk kemahiran berfikir, menjana idea serta meningkatkan kreativiti pelajar dalam menulis karangan naratif sama ada sebagai latihan menulis dalam bilik darjah atau dalam peperiksaan. Rujuk Rajah 2.

Rajah 2: Contoh Hasil Kerja Pelajar dengan Menggunakan Carta Plot



Untuk menghasilkan sebuah penulisan karangan naratif yang utuh, pengolahan isi perlu jitu, jelas dan asli. Menurut Rockowitz (2016), penulisan karangan naratif yang baik mempunyai 5 ciri seperti dalam jadual berikut:


Jadual 5: Ciri-ciri Penulisan Karangan Naratif yang Berkualiti

Segmen	Penerangan
Tema	<ul style="list-style-type: none"> • pemangkin idea asas atau persoalan pokok yang menyatakan tujuan karangan dihasilkan
Pemerenggan	<ul style="list-style-type: none"> • perkembangan isi dan huraian juga dibuat dalam bentuk perenggan yang mencirikan kesatuan sesebuah karangan
Perkembangan plot dan watak	<ul style="list-style-type: none"> • mengandungi beberapa episod yang terbina daripada pengenalan, permasalahan, kemuncak dan penyelesaian. • perkembangan watak yang memaparkan perwatakannya diutarakan dalam plot
Tautan	<ul style="list-style-type: none"> • tautan ayat antara ayat serta antara perenggan yang menggambarkan satu kesatuan dalam teks
Bahasa	<ul style="list-style-type: none"> • pemilihan kosa kata yang sesuai dengan tajuk • penggunaan bahasa berbunga seperti metafora, simili, personifikasi dan deskripsi yang jelas yang dapat membangkitkan kesan kepada pancaindera


Berdasarkan ciri-ciri yang dikemukakan di atas, Jadual 6 menunjukkan berlaku peningkatan yang ketara sebelum dan selepas pengajaran menggunakan proses pembelajaran ini. Perbandingan hasil penulisan pelajar ini dilakukan berdasarkan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun 2017.

Jadual 6: Contoh Hasil Kerja Pelajar

Segmen	Peperiksaan Pertengahan Tahun	Peperiksaan Akhir Tahun
Pemerenggan	Aku termenung jauh memikirkan tentang keadaan rakan akrabku, Zaidi yang terlantar di hospital sekarang. Kejadian yang berlaku pada	Aku sedang membaca sebuah novel misteri sambil baring di atas kerusi panjang di ruang tamu. Aku terlalu khusyuk membaca novel




Segmen	Peperiksaan Pertengahan Tahun	Peperiksaan Akhir Tahun
	<p>Isnin yang lalu masih segar dan terngiang-ngiang di fikiranku. Lamunanku terhenti apabila pintu kamarku ditolak. Ibuku mengukirkan senyuman simpati lalu bertanya jikalau aku sudah bersedia untuk menziarahi Zaidi di hospital. Aku berharap Zaidi akan cepat pulih daripada kemalangan yang ditimpanya.</p>	<p>tersebut apabila aku tersentak mendengar satu dentuman kuat daripada bilik ibuku. Seperti lipas kudung, aku dengan segera menuju ke bilik ibuku untuk mencari punca bunyi tersebut. Aku menolak pintu bilik tersebut dan alangkah terkejutnya aku apabila aku nampak adikku, Danish yang sedang menggeledah beg tangan ibuku.</p> <p>Aku tercegat di hadapan pintu sambil memandang adikku dengan tajam. Adikku mencampak beg tangan Ibu ke tepi lalu berdiri tersimpul malu. Dia mula merayu padaku supaya aku jangan memberitahu Ibu tentang perkara ini. Rayuan adikku mengingatkan aku pada masa lampau di mana aku juga pernah melakukan perkara yang sama.</p>
Perkembangan plot dan watak	<p>Aku mengeluarkan telefon bimbitku lalu menelefon ambulans dan polis. Tidak lama kemudian, ambulans dan polis tiba. Zaidi diusung ke dalam ambulans lalu pemandu kereta tersebut disoal siasat. Kemalangan tersebut berlaku terlalu cepat, ia hampir meragut nyawa rakanku. Pihak hospital telah menelefon ibu Zaidi untuk memberitahunya tentang kemalangan tersebut. Aku hanya mampu berdoa</p>	<p>Aku tersentak daripada lamunanku apabila terdengar pintu hadapan terbuka. Aku memandang adikku. Aku tidak sangka adikku yang pandai mengambil hati Ibu sanggup melakukan perkara yang berdosa ini. Aku menasihatinya untuk jangan melakukan kesilapan yang sama. Aku juga memberitahunya bahawa Ibu telah banyak berkorban untuk kami. Adik angguk tanda faham. Tidak lama kemudian,</p>



Segmen	Peperiksaan Pertengahan Tahun	Peperiksaan Akhir Tahun
	bahawa ia tidak terlalu lambat.	kedengaran suara Ibu memanggil kami dengan penuh kasih sayang. Aku dan Adik ke dapur.
Tautan	Dentuman guruh membuat Siti keluar daripada lamunannya. Siti segera menutup tingkap-tingkap dalam rumahnya. Siti pun tersenyum lebar mengingatkan tentang perkara tadi. Siti dan keluarganya hidup senang dan bahagia, bak kata pepatah, jangan mudah berputus asa kerana kejayaan mengambil masa.	Jamal merenung gambar-gambar yang diambil dengan neneknya beberapa tahun yang lalu semasa dia masih kecil lagi. Jauh di sudut hatinya bercambah kasih yang amat mendalam terhadap neneknya. Tanpa disedari, beberapa titik air jernih mula membasahi muka mudanya. Fikirannya melayang, mengimbas kembali sebuah peristiwa yang membuat dia tidak boleh memaafkan dirinya satu tahun yang lalu.
Bahasa: penggunaan bahasa berbunga seperti metafora dan personifikasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mataku terbeliak menyaksikan rakanku dilanggar kereta. 2. Tanpa berlengah, aku dan Zaidi menuju ke kantin. 3. Aku hanya mampu berdoa bahawa ia tidak terlalu lambat. 4. Aku termenung jauh memikirkan tentang keadaan rakan akrabku 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hidup aku dan ibu terumbang-ambing seperti layang-layang putus talinya. 2. Aku berkongsi rancangan yang sejak tadi berlegar-legar di mindaku. 3. Kegembiraanku musnah dipadam hujan lebat yang melimpahi bumi. 4. Bunga-bunga keraguan mula mengembang di mindaku.

Hasil dapatan menunjukkan peningkatan markah dalam Band 1 sebanyak 7.1%, manakala markah Band 2 meningkat sebanyak 26.2%. Hal ini membuktikan bahawa proses pembelajaran ini membantu pelajar berfikir dengan lebih mendalam untuk menghasilkan penulisan karangan yang lebih baik.

Hampir kesemua pelajar yang menulis karangan naratif berupaya menulis




dengan plot yang lebih logik dan mantap dengan menggunakan kosa kata yang reencam, gaya bahasa yang lebih bersahaja dan menarik. Pelajar yang terdedah kepada rutin berfikir memaparkan pemikiran yang bersifat lebih kritikal, logikal, kreatif dan reflektif. Secara tidak langsung, guru berjaya memupuk ranah kemahiran abad ke-21 dalam diri pelajar.

KESIMPULAN

Tujuan utama menggunakan rutin berfikir adalah untuk membina kemampuan pelajar berfikir dengan lebih jelas agar dapat meningkatkan pemahaman pelajar. Selain itu, rutin berfikir ini juga dapat meningkatkan keterlibatan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran mereka sendiri sekali gus menarik dan merangsang minat terhadap pembelajaran mereka. Dengan demikian, diharapkan penggunaan rutin-rutin ini dapat membantu pelajar menggunakan minda dengan lebih bijak dan berkesan. Jika diterapkan dengan struktur dan langkah yang betul, setiap pelajar dapat mengasah cara pemikiran mereka jelas, tersusun dan terarah.

Kajian ini merupakan satu kajian rintis yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar Menengah 1 dan 2 Ekspres. Dapatan kajian yang diperoleh jelas menunjukkan keberkesannya terhadap pembelajaran serta mampu merangsang minat pelajar untuk menghasilkan bahan penulisan yang lebih baik. Pendekatan yang berpusatkan pelajar ini membolehkan pelajar berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri dan rakan-rakan. Guru yang bertindak selaku pemudah cara perlu merancang dan mengandaikan tindak balas atau respons pelajar terlebih dahulu agar proses pembelajaran lebih berkesan dan mampu mencapai hasil pembelajaran.

Keberkesanan penggunaan rutin berfikir ini boleh digunakan sebagai panduan kepada pelaksanaan pengajaran yang berasaskan rutin-rutin berfikir dalam komponen-komponen lain dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Templat-templat yang digunakan merupakan perancangan dalam pembelajaran agar pelajar dapat berfikir dengan lebih mendalam. Bahan pengajaran tersebut bertujuan untuk memberikan sokongan kepada pelajar dalam proses pemikiran mereka. Oleh demikian, pelajar mengambil kira pelbagai faktor, meluaskan pandangan terhadap sesuatu isu atau melihat sesuatu dari pelbagai sudut pandangan. Kebolehan ini diharapkan dapat dilaksanakan dalam apa jua konteks pembelajaran. Hal ini sememangnya sejajar dengan ranah kemahiran abad ke-21 seperti mana yang terkandung dalam sukatan pelajaran Singapura.



Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Nuridahyu Mohamed Noor
2. Shikin Ali
3. Mohammad Faizal Omar
4. Fatimah Mahani
5. Md Azmi Yusri
6. Abdul Razak Patwi

RUJUKAN

Ritchhart R (2015). *Creating cultures of thinking: The 8 forces we must master to truly transform Our Schools*. San Fransisco: Jossey-Bass

Ritchhart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

Azizi Hj. Yahaya dan Intan Sapinas Binti Bahuri (2014). Tinjauan amalan pembelajaran koperatif di kalangan pelajar tingkatan dua Maktab Rendah Sains Mara, Gerik, Perak. Dirujuk pada 26 September, 2017 daripada lelaman <http://eprints.utm.my/6040/1/aziziyahkoperatif.pdf>

Snyder, F (2016). Discovery Education. Dirujuk pada 4 Disember 2017 daripada <http://www.discoveryeducation.co.uk/spotlight-on-strategies/try-a-strategy/item879704>

Ritchhart, R. Gardner, H. (2005). Project Zero. Dirujuk pada 4 Disember, 2017 daripada <http://www.pz.harvard.edu/projects/visible-thinking>

Rockowitz, M dan Anna C. (2016). The Writing Process. Dirujuk pada 26 November, 2017 daripada lalaman <http://www.hunter.cuny.edu/rwc/handouts/the-writing-process-1/invention/Five-Qualities-of-Good-Writing>

Swartz and McGuinness. (2014). Developing and Assessing Thinking Skills. The International Baccalaureate project 2014. Dirujuk pada 4 Disember 2017 daripada <http://www.ibo.org/globalassets/publications/ib-research/continuum/student-thinking-skills-report-part-1.pdf>

